

Joachim, Ewon taja penerbitan buku Transformasi Bundu Tuhan

UB 14.5.17 R3

Oleh HENRY BATING

RANAU: Dua wakil rakyat asal Bundu Tuhan, Ranau menyerahkan dana bagi program Khidmat Masyarakat sempena majlis Pelancaran Buku 'Bundu Tuhan: Konteks dan Transformasi' tajaan kedua-dua wakil rakyat itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kundasang, Datuk Dr Joachim Gunsalam dan Ahli Parlimen Ranau, Datuk Dr Ewon Ebin menyalurkan tajaan untuk penulisan buku berkenaan dikendalikan tenaga akademik dari Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

"Program yang dijalankan bersama-sama Perpustakaan

Negeri Sabah selaku penerbit bukutersebut akan menampilkan pelbagai aktiviti," kata jurucakap Nelson Justin Adeh.

Menurut Nelson, antara aktiviti yang dijalankan di Kg Bundu Tuhan dan sekitar ialah Taklimat E-Digital daripada Perpustakaan Negeri Sabah, Taklimat E-Keusahawanan daripada Dr. Bonaventure dan Taklimat Industri Kelulut dari Dekan PPIB, Prof. Madya Dr. Jualang Gansau.

Perasmian buku pula akan diadakan pada sebelah malam yang mana akan dirasmikan sendiri oleh kedua-dua wakil rakyat berkenaan.

Terdahulu Joachim dan Ewon menyatakan pentingnya program itu dijalankan khususnya kepada penduduk kampung kerana

melalui kepakaran dan maklumat yang dibawa daripada UMS dan Perpustakaan Negeri akan dapat membantu penduduk kampung memperoleh pengetahuan dalam bidang berkaitan.

Dalam satu majlis ringkas, Dr Joachim menyampaikan sebahagian dana RM10,000 diserahkan kepada pengerusi penganjur, Budi Anto Mohd Tamring yang diiringi Veronica Petrus sebagai Timbalan Pengerusi dan Nelson Justin Adeh sebagai penyelarasan program.

Program yang akan diadakan pada 18-20 Mei ini bertempat di Dewan Masyarakat Bundu Tuhan dan akan dihadiri kira-kira 300 penduduk setempat beserta 70 pelajar SMK Bundu Tuhan.



JOACHIM menyampaikan sumbangan kepada Budi (kiri).